

From: Jabatan Bendahari UUM -BEND
Sent: 22 Disember 2015 15:41
To: UUM - All Staff; UUM - Staf Sambilan
Cc: Amron B Man
Subject: Makluman Penting: Pindaan Tarikh dan Peraturan Bayaran Gaji Sambilan mulai 2016
Attachments: Pekeliling Bendahari Bil-14-2015.pdf

Importance: High



Jabatan Bendahari
Bursar's Department
Universiti Utara Malaysia



22 DISEMBER 2015 (SELASA)| 10 RABIULAWAL 1437H

=====

"UUM: UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

PEKELILING BENDAHARI BIL.13/2015 **TARIKH PEMBAYARAN GAJI SAMBILAN BAGI TAHUN 2016**

Perhatian Kepada Ketua PTJ/Pegawai Tadbir/Pegawai Kewangan/Staf Sambilan

Dimaklumkan bahawa mulai Gaji Januari 2016, tarikh pembayaran gaji staf sambilan akan diawalkan daripada 7hb kepada setiap 3hb bulan berikutnya.

Perubahan ini adalah bertujuan bagi mengelak caj denda lewat yang dikenakan oleh pihak KWSP ke atas kelewatan mengemukakan caruman KWSP staf sambilan ke Pejabat KWSP.

Selaras dengan perubahan tersebut, peraturan lain yang turut berubah ialah:

- Mulai gaji Januari 2016, pembayaran gaji bulanan staf sambilan akan dibuat untuk tempoh **1 haribulan hingga 21 haribulan sahaja**, manakala untuk tempoh **22 haribulan dan ke atas**, pembayaran akan dibuat di dalam **gaji bulan berikutnya**.
- Semua Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ) dikehendaki memastikan borang Tuntutan Gaji Staf Sambilan dihantar ke Jabatan Bendahari **selewat-lewatnya pada 25hb setiap bulan**.
- Semua Tuntutan Gaji Staf Sambilan hendaklah dibuat **menggunakan borang tuntutan yang baru** yang diturut dikepilkan bersama-sama pekeliling ini.

Sehubungan itu, bagi melancarkan proses bayaran gaji sambilan pada tahun 2016 dan bagi mengelak daripada dikenakan caj denda lewat oleh pihak KWSP, mohon kerjasama semua staf sambilan dan Ketua PTJ untuk memastikan peraturan baru yang digariskan di dalam Pekeliling Bendahari Bil.13/2015 berkepil dilaksanakan dan dipatuhi sewajarnya.

Sekian, terima kasih.

<https://www.facebook.com/UumBursary>
<http://bendahari.uum.edu.my/>

"Melestarikan Kewangan Universiti"

Jabatan Bendahari
Universiti Utara Malaysia

